



# PEMACU INTELEK

| | |
|---|---|
| Program | Perbincangan Meja Bulat 1 - Agenda Bumiputera: Isu dan Cabaran |
| Tarikh | 9 Februari 2024 (Jumaat) |
| Masa | 10:00 AM - 12:00 PM |
| Lokasi | Rumah MASA |

# ISI KANDUNGAN

1. Informasi Program
2. Aturcara Program
3. Laporan Program
4. Biodata Pakar Bidang
5. Transkrip
6. Senarai Kehadiran
7. Gambar Semasa Program
8. Hebahan Media Sosial



BIDA | A PROGRAM BY MDEC

# 1. INFORMASI PROGRAM (I)

| PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|
| Tajuk Program | Perbincangan Meja Bulat 1 - Agenda Bumiputera: Isu dan Cabaran |
| Pengenalan | Pemerkasaan agenda Bumiputera bermula dari Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970. Ia merupakan satu strategi penyusunan semula ketidaksamaan ekonomi dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.<br><br>Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kesenjangan pendapatan penengah bulanan isi rumah antara Bumiputera dan kaum Cina meningkat hampir empat (4) kali ganda daripada RM497 (1989) kepada RM1971 (2019). Dalam isu pemilikan ekuiti korporat pula, Bumiputera ketinggalan di belakang bukan Bumiputera dan warga asing sejak 50 tahun lalu, dan tidak mencapai sasaran 30% pemilikan ekuiti ditetapkan DEB. Ini menunjukkan bahawa realitinya, Bumiputera masih ketinggalan dari segi pendapatan, pemilikan kekayaan dan taraf sosioekonomi.<br><br>Ini ditambah dengan impak pandemik COVID-19 yang merubah kestabilan landskap ekonomi, sosial dan politik sejagat - sekaligus menjejaskan kedudukan sosioekonomi Bumiputera di negara ini, yang kekal menjadi antara cabaran utama DEB serta RMKe-12.<br><br>Kerajaan kini sedang mengatur satu kongres ekonomi Bumiputera bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu agenda yang lebih adil, saksama dan inklusif. |

# 1. INFORMASI PROGRAM (II)

| PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|
| Objektif program | Secara khusus, objektif RTD ini adalah:<br>1. Untuk mengumpulkan pakar bidang dan subjek bagi mengupas isu-isu berkaitan permasalahan sosioekonomi bumiputera;<br>2. Mewujudkan platform untuk pertukaran idea dan pendapat dalam kalangan ahli pakar; dan<br>3. Untuk mengumpulkan input serta pandangan dalam pendekatan baharu agenda Bumiputera |
| Platform | Fizikal dan *online* |
| Tarikh | 9 Februari 2024; Jumaat |
| Masa | 10:00 AM - 12:00 PM |
| Lokasi | Rumah MASA |

# 2. ATURCARA PROGRAM

| MASA | PERINCIAN |
|---|---|
| 10:00 AM | Ucapan Alu-aluan dan Pengenalan<br><br>YBrs. Encik Azril Mohd Amin<br>Ketua Pegawai Eksekutif MASA |
| 10:10 AM | Sesi Perbincangan<br><br>Moderator: YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid<br>Ketua Bahagian Dasar & Penyelidikan MASA |
| 12:00 AM | Rumusan dan Penutup |
| 12:15 PM | Sesi bergambar<br>Makan tengah hari dan bersurai |

# 3. LAPORAN PROGRAM (I)

| PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|
| Laporan Program | Melihat kepada kepentingan pemerkasaan agenda Bumiputera yang sejajar dengan usaha kerajaan dalam mengatur satu kongres ekonomi Bumiputera bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu yang lebih adil, saksama dan inklusif, MASA telah menganjurkan satu sesi tertutup Perbincangan Meja Bulat pada 9 Februari 2024 bersama pemegang taruh dan pakar bidang yang berkaitan bagi membincangkan isu-isu dan cabaran baharu dalam pendekatan baharu agenda Bumiputera.<br><br>Sesi perbincangan tersebut telah dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob, Felo Kehormat MASA dan Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya, YBhg. Profesor Dr. Fatimah Kari, Felo Institut MASA dan Felo Penyelidik, Pusat Dialog Peradaban (PDP), Universiti Malaya, YBhg. Profesor Madya Datuk Dr. Marzuki Mohamad, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Institut MASA dan Pensyarah di Jabatan Sains Politik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, YBhg. Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, Pengarah Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), YBrs. Dr. Zulkiply Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya, YBrs. Dr. Masoud Yahoo Javad, Pensyarah di Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan YBrs. En. Erhanfadli Azrai, Ahli Bersekutu MASA dan Pengarah, Kotak Sakti Sdn. Bhd. |

# 3. LAPORAN PROGRAM (II)

| PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|
| Laporan Program | Sesi perbincangan tersebut dikendalikan oleh YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid selaku Ketua Bahagian Dasar dan Penyelidikan MASA dan turut disertai oleh YBrs. Encik Azril Mohd Amin selaku Ketua Pegawai Eksekutif MASA.<br><br>Menerusi sesi perbincangan tersebut, terdapat beberapa cabaran dan isu yang telah digariskan dan diikuti bersama cadangan-cadangan yang boleh diusahakan untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh golongan Bumiputera di masa akan datang. |
| Maklumat Kehadiran | 14 orang |

# 4. BIODATA PAKAR BIDANG (I)



YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob

Tan Sri Dato’ Seri Dr. Sulaiman merupakan Felo Kehormat MASA dan Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Beliau juga merupakan Profesor Adjung di *International Institute of Public Policy and Management* (INPUMA), Universiti Malaya dan di Universiti Tun Razak, di mana beliau mengajar subjek Ekonomi dan Dasar Awam. Beliau menamatkan pengajian peringkat PhD di *Maxwell School of Citizenship and Public Affairs* di *Syracuse University*, Amerika Syarikat pada tahun 1986. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan selaku Ketua Setiausaha di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pasca COVID-19, beliau pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Sekretariat Majlis Pemulihan Negara (MPN) bagi membantu merangka pelan pemulihan negara di bawah Pengerusinya YB Tan Sri Dato’ Muhyiddin Haji Mohd Yassin, mantan Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi dan Pengasas Institut MASA. Pada sesi konvokesyen pada tahun 2023, Canselor Universiti Malaya telah menganugerahkan gelaran Ijazah Kehormat kepada Tan Sri Sulaiman sebagai pengiktirafan kepada sumbangan beliau dalam perkhidmatan awam serta peranan penting yang dimainkannya dalam sektor korporat.

# 4. BIODATA PAKAR BIDANG (II)



YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid

Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid adalah merupakan Profesor Adjung di Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya. Selain itu juga, beliau juga merupakan Ahli Majlis Perundingan Gaji Negara. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Eksekutif bagi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER). Beliau telah menamatkan pengajian dalam peringkat PhD dalam bidang ekonomi di *Aberystwyth University, United Kingdom* pada tahun 1989 dan Ijazah Sarjana dalam bidang ekonomi di Universiti Malaya pada tahun 1980. Sebagai penganalisis ekonomi, beliau amat bergiat aktif dalam menghasilkan penulisan dan input berkaitan ekonomi.

# 4. BIODATA PAKAR BIDANG (III)



YBhg. Profesor Dr. Fatimah Kari

Prof. Dr. Fatimah Kari (PhD) memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Leicester, UK dan Ijazah PhD (Ekonomi) dari MSU, Amerika Syarikat. Beliau sebelum ini merupakan pengarah Pusat Pengajian Kemiskinan dan Pembangunan (CPDS), Universiti Malaya. Beliau telah menerbitkan dan menyampaikan banyak kertas ilmiah dalam bidang subsidi dan sektor pertanian, perubahan iklim dan alam sekitar, indeks kemiskinan, dan adopsi teknologi hijau. Beliau juga telah menjadi konsultan untuk beberapa projek konsultansi yang ditaja oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (KeTSA) dan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pada masa kini, beliau merupakan Profesor Kehormat di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya dan selaku Felo MASA.

# 4. BIODATA PAKAR BIDANG (IV)



YBhg. Profesor Madya Datuk Dr. Marzuki Mohamad

Datuk Dr Marzuki Mohamad adalah seorang Profesor Madya di Jabatan Sains Politik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1998), Ijazah Sarjana Sains Politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2001) dan Ijazah Doktor Falsafah Sains Politik dari *Australian National University* (2008). Beliau memulakan kerjaya sebagai ahli akademik di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1999. Pada tahun 2009, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Perdana Menteri untuk berkhidmat sebagai Pegawai Khas Kepada Timbalan Perdana Menteri. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Pendidikan (2013-2015), Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Menteri Dalam Negeri (2018-2020) dan Ketua Setiausaha Sulit Kepada Perdana Menteri (2020-2021). Sebagai seorang ahli akademik, beliau bergiat aktif dalam menghasilkan beberapa penulisan dalam bidang-bidang utama kajian beliau antaranya ialah politik pilihanraya, hubungan kaum, undang-undang dan politik, dan politik Islam.

# 4. BIODATA PAKAR BIDANG (V)



YBhg. Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk adalah merupakan Pengarah di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (B.A) dalam bidang sains politik dari Universiti DePaul pada tahun 1998 dan menamatkan Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang sains politik di Universiti Malaya pada tahun 2006. Beliau pernah menjadi Sarjana Pelawat di pelbagai institusi antaranya ialah Institut Pengajian Asia dan Afrika, *Humboldt University* di Berlin, Pusat Kajian Asia Tenggara di *Northern Illinois University*, dan di Jabatan Sains Sosial, di *University of Fribourg, Switzerland*. Beliau telah melakukan penyelidikan yang meluas mengenai dasar sosial dan ekonomi di Malaysia dan antara penulisan beliau telah diterbitkan oleh jurnal terkemuka di Malaysia antaranya adalah Kajian Malaysia, Akademika, dan Pertanika. Beliau juga kerap menulis untuk ruangan CenPRIS yang muncul dalam *New Sunday Times*.

# 4. BIODATA PAKAR BIDANG (VI)



YBrs. Dr. Zulkiply Omar

Dr Zulkiply Omar adalah merupakan Felo Penyelidik Kanan di Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Ekonomi dari *Southern Illinois University*, Amerika Syarikat. Beliau menamatkan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di universiti yang sama. Beliau telah dianugerahkan Sijil Peneraju Pertumbuhan Ekonomi daripada *Harvard Kennedy School of Harvard University, Cambridge*. Beliau pernah dilantik sebagai Felo Penyelidik Kanan di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dari tahun 2015 hingga 2019. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Rektor/Dekan di Institut Pembangunan Pengurusan Singapura (MDIS) di Tashkent, Uzbekistan dari tahun 2012 hingga 2014. Dr. Zulkiply kini merupakan Rakan Urusan Perunding Ekonomi Econsult Sdn.Bhd.

# 4. BIODATA PAKAR BIDANG (VII)



YBrs. Dr. Masoud Yahoo Javad

Dr. Masoud Yahoo Javad adalah merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi & Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang tenaga dan ekonomi alam sekitar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2016). Beliau menamatkan Ijazah Sarjana Muda di *Mofid University*, Iran pada tahun 2007 dan Ijazah Sarjana di *Tehran University*, Iran pada tahun 2010. Beliau pernah dilantik sebagai Felo Penyelidik Pasca Kedoktoran di *Kharazmi University*, Iran dari tahun 2017 hingga 2023 dan selaku Felo Penyelidik Kanan di Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) dari tahun 2016 hingga 2017.

# 4. BIODATA PAKAR BIDANG (VIII)



YBrs. En. Erhanfadli Azrai

Encik Erhanfadli Azrai merupakan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Kotak Sakti Sdn. Bhd. dan juga pengasas bersama bagi *RED ANGPOW*. Beliau juga merupakan salah seorang Ahli Bersekutu MASA. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana dalam bidang Polisi Ekonomi dari *Williams College*, Amerika Syarikat selepas beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dari *Cornell University*, Amerika Syarikat. Sebelum ini, beliau pernah dilantik sebagai Pegawai Khas kepada Menteri di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab dalam projek-projek seperti pembangunan koridor ekonomi, Unit Peneraju Agenda Bumiputera dan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur–Singapura. Beliau juga merupakan mantan Naib Presiden Kanan di MARA Corporation yang bertanggungjawab dalam pengendalian sektor hartanah MARA, mempunyai pengalaman sebagai perunding di Iskandar Associates dan bertanggungjawab menjalankan kajian kebolehlaksanaan pasaran dan pembangunan dalam bidang hartanah serta sebagai mantan Penolong Naib Presiden di Khazanah Nasional Berhad dan bertanggungjawab dalam menilai risiko dan peluang pelaburan di Malaysia dan negara-negara ASEAN.

# 5. TRANSKRIP (I)

| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|---|
| 1. | Pengenalan oleh Encik Azril Mohd Amin, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut MASA. | Saya ucapkan terima kasih kepada semua kerana sudi menerima jemputan ke Institut Masa Depan Malaysia. Kita sedang meneliti dan mendapatkan maklum balas untuk input mengenai cabaran dan isu-isu bumiputera. |
| 2. | Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA | Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum WBT, terima kasih En. Azril atas pendahuluan dan pengenalan sebentar tadi. Kita ada masa lebih kurang 2 jam, jadi saya akan memperuntukkan masa lebih kurang 1 setengah jam untuk tiga fasa perbincangan. Fasa pertama yang kita akan bincangkan adalah tentang permulaan isu dan cabaran yang merupakan tajuk yang akan kita bincangkan pada hari ini iaitu "Isu dan Cabaran: Sosioekonomi Bumiputera". |

# 5. TRANSKRIP (II)

| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|---|
| 2. | Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA | Secara latar belakangnya, En. Azril sudah menerangkan peranan dan Institut MASA dan objektif perbincangan kita pada pagi ini. Ianya sejajar dengan Rangka Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 yang pada masa ini telah pun ada Kajian Separuh Penggal (KSP) ataupun *Mid-Term Review* yang saya lihat dari penilaiannya tidak menerangkan kedudukan sosio ekonomi Bumiputera dengan jelas. Yang jelas adalah kerja-kerja yang terlaksana dalam Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak 60 peratus belum lagi dilaksanakan, hanya 15 peratus terlaksana manakala lebihan 15 peratus lagi sama ada telah dibatalkan dan sebagainya.<br><br>Jadi untuk itu, saya kira elok juga kita fokuskan sedikit terhadap data-data berkenaan Rancangan Malaysia Ke-12 selepas ini. Cuma pecahan kepada perbincangan kita adalah dalam tiga bahagian, iaitu difahami menggunakan format *'game changer'* yang dimulakan dengan *'WHY'* ataupun pertanyaan tentang isu dan cabaran itu tadi. *'WHY'* bermakna apakah yang timbul sebenarnya yang menyebabkan struktur sosio ekonomi negara cenderung berat sebelah. Adakah ianya kerana daripada dulu kaum Bumiputera memang perlu ditingkatkan ataupun jauh ketinggalan, iaitu kira-kira 4 kali ganda daripada kaum Cina. |

# 5. TRANSKRIP (III)

| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|---|
| 2. | Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA | Beberapa perkara terlihat dalam *'WHY'* ini, sama ada isu-isu dan cabaran tersebut akan diwawarkan menerusi beberapa slaid pembentangan ini. Dalam hal ini, jika kita melihat latar belakang negara kita itu sendiri, Malaysia berbanding dengan Korea umpamanya, sebagai satu contoh asas permulaan yang lebih kurang sama dari segi pendapatan KDNKnya pada tahun 1970an. Pada masa ini, kedua-duanya telah berkembang, namun Korea telah berkembang lebih hebat dan tinggi kadar pertumbuhannya berbanding negara kita yang agak sedikit normal sahaja. Walaupun perkembangan kita yang normal, namun terdapat gangguan sedikit terhadap agihan pendapatan. Seperti Korea, bangsanya hanya ada satu sahaja iaitu bangsa Korea tetapi di Malaysia, rakyatnya adalah berbilang kaum, *multiracial country* iaitu kaya etnik Melayu, China, India, Kadazan dan pelbagai lagi di Sabah dan Sarawak.<br><br>Jadi, yang signifikan di dalam perbincangan ini adalah *inequality*, yang tidak seimbang dalam ekonomi terutamanya adalah dalam kategori B40. Mengikut Rancangan Malaysia Ke-12, ada beberapa isu dan cabaran yang kita letakkan di sini di dalam slaid pembentangan ketidaksamaan tersebut sebagai *declining savings, low competitiveness, lack of capacity, slow wealth creation*, dan sebagainya. Dan yang ketiga, saya sebutkan penekanan terhadap pencapaian KSP Rancangan Malaysia Ke-12 yang mana strategi-strategi yang ditekankan dalam RMKe12 tidak mencapai sasaran diharapkan seperti digariskan dalam Pelan tersebut. Jadi ini agak mengecewakan juga. |

# 5. TRANSKRIP (IV)

| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
|---|---|---|
| 2. | Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA | Yang keduanya adalah bahagian *'HOW'*, yang bermaksud apakah kita sudah berjaya melaksanakan setakat ini yang telah mencapai *outcome* atau impak yang kita hasratkan. Contohnya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) menyasarkan ekuit 30 peratus, tetapi adakah 30 peratus itu tercapai? Setahu saya, yang terakhir sekali adalah lebih kurang 17 hingga 21 peratus sahaja. Sudah tentu juga peratus ini menambahkan tanda tanya apabila berlakunya pandemik COVID-19 dan sebagainya, menjadikan angka ini sebenarnya meleset lebih dari yang dibayangkan.<br><br>Yang ketiga adalah bahagian *'WHAT outcome should look like'*. Bahagian *'WHAT outcome'* ini adalah berkaitan dengan apakah trajektori hasrat yang kita idamkan pada tahun 2030 atau 2050 yang kita akan capai. Saya harap ketiga-tiga bahagian ini kita dapat bincangkan dalam masa 2 jam yang diperuntukkan. Jadi, tanpa membuang masa lagi saya memulakan bahagian satu ini dahulu, *'WHY'* bahagian tentang isu dan cabaran dalam agenda Bumiputera. Sekiranya ada yang ingin memulakan, saya dengan segala hormatnya mempersilakan. |

# 5. TRANSKRIP (V)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 3. | Input dari Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob, Pengerusi Malaysian Investment Development Authority (MIDA), merangkap Felo Kehormat MASA. | *In my opinion, we tend to address poverty projects and to enhance skills dalam banyak program sokongan untuk bumiputera. They are finally involving physical (inaudible) such as construction, schools, hospitals and these worth trillions of Ringgit. Instead of giving these benefits to the people in need, as our objective to the lower income people, the projects are all secured by contractors who are mostly non-Malays. Even the people working with these contractors are also doctors or engineers, with very few of them are Malays and all these projects worth billions in so many sectors in the economy.*<br><br>*The whole physical asset created as a result of these projects goes to the Chinese owner and supplier, owners of capital assets. To give you an example, when we conducted the Unjuran Ekonomi study at the World Bank, we built 600 thousand hectares (inaudible) of land for development. We built a big engineering project for this cause. About RM2 Billion, I think, increases in production and the benefit goes out to the banking system at the least of 71 per cent.*<br><br>*The money is still within the economy, or the market system which is controlled by the same owner and it doesn't go out of their system. This matter is also addressed very slowly.* |

# 5. TRANSKRIP (VI)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 4. | Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA | *So, basically this is about the ownership of Gross Operating Surplus (GOS) in the economy. The GOS, which is about 65 per cent, is held by the producers and instead the Compensation of Employee (COE) , which is only about 35 per cent. In fact, the latest COE is only 32.7 per cent in 2023. So, the critical part here is that the composition of the GOS is very high on the side of other or different ethnicities. This is confirming why the Bumis had still remained at where they are and very slow to move up the value chains without capital to support them.*<br><br>*But looking at that Tan Sri, existingly this is the concept of what we called pro-growth and pro-poor which is quite different and interestingly in contrast here. However, both of these concepts are in need of each other. Probably in the distribution programs we have done for so many years, however has not succeeded and they are declining in saving, low competitiveness, lack of capacity, so is there anything or something like that in your mind, Dr. Zulkefly? Probably, if we want to look at the composition of income, such as the state of Selangor could this be translated in terms of numbers. Is it correct that savings among Bumiputera is low. In fact, some researchers like Dr. Muhamad Khalid have seen that Malays' savings are meager although they have something like Tabung Haji, ASB and things like that, but always the composition of the quality of their savings are very low.* |

# 5. TRANSKRIP (VII)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 5. | Input dari Dr. Zulkiply Omar, Felo Penyelidik Kanan, Social Wellbeing Research Centre (SWRC), Universiti Malaya | *I think we already have the data shown and published by the authorities. However, I would like to add, I think it's about the understatement of income. When we look at income distribution, the well-being of the people at the moment can be represented by many indicators, as such household income increases even though it is still below the standard.*<br><br>*For example, now we have data on retirement age and a lot of* Bumiputera *that involved and based on a survey, a lot that retired and more than 80 percent are considered wealthy. They have property but no income. These are considered the silent issue that we tend to ignore because all this while issue retirement is taken by the family members.* Isu sebegini tidak dikeluarkan. Tapi pada masa yang sama, anak-anak sedang menghadapi masalah kos sara hidup. *Hence, this issue actually is quite serious especially to the retired Bumiputeras. Anda ada harta seperti rumah tetapi tiada pelan persaraan. If we don't address it, the problem will get bigger.*<br><br>*This is not all about income and distribution, it is more like a moving target. You are still going to continue to inherit this problem.* |

# 5. TRANSKRIP (VIII)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 6. | Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA | Terima kasih, Dr. Zulkiply. Saya jemput Prof. Emeritus Datuk Zakariah Abdul Rashid untuk kemukakan sebarang pandangan. Dipersilakan. |
| 7. | Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya | Assalamualaikum WBT. Beberapa ketika dahulu, kami di MIER ada buat satu kajian tentang Bumiputera ataupun Melayu. *That was some quite some time ago, maybe the Mid-Term Review of 9th Malaysia Plan*. Kita dapati bahawa memang ada jurang antara Bumiputera and bangsa lain termasuk penilaian *vis-a-vis* Chinese Yuan, dan kita tengok dari segi kejelasannya iaitu *for one ringgit household income of Bumiputera, Chinese will be earning somewhere slightly higher - I can't remember the number maybe 1 dollar 80 cents and 1 dollar 70 cents, something like that and Indian is little bit lower than that income ratio.* |

# 5. TRANSKRIP (IX)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 7. | Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya | *However, the Bumiputera had always lagging behind as compared to other races, including Malays*. Dalam kajian itu kami telah menggunakan kaedah *Social-Accounting Matrix (SAM)* untuk melihat sama ada apakah peluang untuk Bumiputera untuk meningkatkan pendapatan isi rumah mereka. Kita buat simulasi dan kita dapati bahawa memandangkan struktur sektor sosio-ekonomi termasuk struktur pembiakan dan struktur pendapatan isi rumah, ia akan mengambil masa lebih kurang, kalau tidak silap saya, 350 tahun lagi untuk Bumiputera untuk menyamai dengan Bukan Bumiputera terutamanya kaum Cina. Dekat sini saya menyatakan maksudnya menyamai ini adalah *ratio one-to-one (1:1)*, tadi saya katakan *one-to-one point six (1:1.6). But that was quite some time ago during the Mid-Term Review of 9th Malaysia Plan*. Tetapi saya tak tahu apa yang berlaku selepas itu. |

# 5. TRANSKRIP (X)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 7. | Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya | Nampaknya keadaan sekarang ini saya rasa tidak banyak berubah. Tak tahu sama ada bertambah baik atau bertambah buruk, saya tidak tahu dan tidak dapat agak. Jadi, kesimpulan daripada apa yang saya nampak adalah pariti (1:1) tadi, kita cuba capai itu adalah sangat-sangat mencabar. Ia bukan yang kita boleh harapkan daripada kitaran perniagaan. Maknanya kalau ekonomi kita tumbuh dengan pantas KDNKnya, maka Bumiputera akan dapat merapatkan jurang adalah tidak semestinya begitu. Mungkin jadi lebih baik atau lebih buruk lagi sebab trend-trend yang lepas menunjukkan tidak ada satu trend yang jelas menunjukkan bahawa kita akan bertemu kepada *one-to-one* sebentar tadi. Apa yang saya cuba perkatakan adalah usaha yang dilakukan pada masa-masa yang lepas, tidak banyak meningkatkan secara signifikan pariti dalam pendapatan isi rumah antara Bumiputera, Melayu dengan Cina dan India. Kalau ada pun, kalau kita nampak daripada satu Rancangan Malaysia ke satu Rancangan Malaysia yang lain, ia lebih berbentuk erektik iaitu kadang kala bertambah baik dan kadang kala ia bertambah tidak baik. Jadi, tidak ada satu trend yang jelas yang menunjukkan bahawa pada 350 tahun akan datang, kita akan sampai kepada pariti itu. |

# 5. TRANSKRIP (XI)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 7. | Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya | Masalahnya di sini saya nampak dari suatu segi mungkin had model itu sendiri. Bukan kita boleh bergantung kepada kitaran perniagaan, tidak. Bukan eksport kita bertambah baik dan bukan kerana kita punya penggunaan swasta semakin baik atau pun bukan kerana pelaburan kita bertambah baik, bukan kerana perbelanjaan kerajaan kita bertambah baik. Maknanya semua komponen pro bagi perbelanjaan komponen mikro itu tidak begitu jelas menunjukkan yang kita akan mencapai trend penumpuan itu tadi. Tetapi, yang jelas sekali nampak di sini, saya tegaskan sekali lagi, kerana had model, iaitu adalah faktor struktur memperlihatkan orang-orang Melayu dan pekerja Melayu kurang produktivitinya, orang-orang Melayu kurang kemahirannya, jadi orang-orang Melayu kurang dapat menjana pendapatan, kurang tangga gaji dan gajinya lebih rendah dan kurang mendapat mencukupi pendapatan isi rumahnya. |

# 5. TRANSKRIP (XII)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 7. | Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya | Pada hari ini pun kita nampak bahawa memang ketaksamaan itu masih lagi wujud dan saya pun tidak berapa jelas sama ada ketaksamaan itu semakin baik atau tidak baik, tetapi saya nampak ketaksamaan tu memang ada. Kalau saya dapati bahawa ketaksamaan antara bandar dan luar bandar makin meluas. Pendapatan isi rumah di bandar tumbuh lebih pantas, lebih tinggi daripada kawasan luar bandar. Kita tahu kawasan luar bandar ini didiami sebahagian besar oleh orang Bumiputera dan orang Melayu. Di situ, mungkin kita boleh buat satu kesimpulan bahawa orang Bumiputera dan orang Melayu pendapatannya mungkin bertambah lebih rendah kerana mereka menduduki kawasan-kawasan luar bandar berbanding kaum Cina dan India.<br><br>Penyelesaiannya, pekerja Bumiputera harus ditingkatkan gajinya agar pendapatan isi rumah juga dapat ditingkatkan. Kita tahu bahawa gaji merupakan lebih daripada 70 peratus pendapatan isi rumah, sumber-sumber lain kepada pendapatan isi rumah seperti pendapatan pelaburan, pemindahan adalah tidak memadai. Yang menjadi dominan adalah gaji. Oleh itu, gaji pekerja-pekerja Bumiputera dan Melayu mesti diperkasakan. Dan untuk meningkatkan gajinya, maka produktiviti pekerja-pekerja Bumiputera mesti ditingkatkan. |

# 5. TRANSKRIP (XIII)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 7. | Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya | Untuk meningkatkan produktiviti pekerja-pekerja Bumiputera, mereka ini mestilah pertama, mempunyai kemahiran yang tinggi dan kemahiran yang baik, ini kita dapati bahawa rata-rata kemahiran di kalangan pekerja-pekerja Bumiputera dan Melayu adalah lebih rendah daripada bangsa-bangsa lain. Dan bagaimana pula nak meningkatkan produktivitinya selain daripada meningkatkan kemahiran? Mereka juga mestilah bekerja dalam satu persekitaran yang mempunyai teknik pengeluaran yang berintensifkan modal seperti macam sekarang ni mereka bekerja dalam bidang-bidang teknik digital dan *Artificial Intelligence (AI)* seperti itu dan saya rasa ini satu pandangan saya sendiri itu saja tapi bukan mudah untuk di dilaksanakan kerana kita dapati bahawa kebanyakan majikan adalah bukan majikan daripada golongan Bumiputera dan bangsa Melayu, mereka adalah daripada bangsa-bangsa lain.<br><br>Jadi, cabarannya adalah bagaimana kita dapat menyediakan persekitaran pekerjaan yang mana Bumiputera yang berkemahiran tinggi dapat bekerja di dalam suasana teknologi yang kompleks dan tinggi serta juga tidak semestinya bekerja dengan majikan daripada bangsa lain. Kalau dapat, baguslah, tetapi kalau tak dapat dan ia akan menjadi cabaran kepada kita bagaimana kita dapat menyediakan keadaan seperti itu dan saya rasa itu apa yang saya nampak, satu adalah solusinya dan bagaimana kita lakukan bergantung kepada apa-apa model perniagaan yang kita boleh fikirkan. |

# 5. TRANSKRIP (XIV)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 8. | Input dari Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan, Institut MASA | Dalam RMK 12, dah ada pun perkara ini, ia dalam SDG 8 ,9 dan 11 kalau tak silap saya, dan juga SPV, *Shared Prosperity Vision* atau Wawasan Kemakmuran Bersama yang dilaksanakan dalam dua fasa. Dalam itu juga ada Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB) yang mana semua ini, bak kata Prof. tadi, kebanyakannya adalah naratif, menceritakan apa yang sepatutnya kita buat dan sebagainya tetapi dalam lanskap yang berlaku itu fizikal mengikut pada construction seperti yang diperkatakan oleh Tan Sri, di sektor-sektor dan sebagainya. Tidak ada berlaku perubahan struktural dan itu yang saya rasa mungkin Prof. boleh ulas sedikit tentang MSE, Mikro SME kalau Prof. kata ada dulu 70 peratus dalam MSE tu adalah Bumiputera. |

# 5. TRANSKRIP (XV)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 9. | Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya | Saya juga berada dalam Majlis Perundingan Gaji Negara dan kita berkesempatan satu ketika dahulu untuk menjalankan satu kajian ringkas dengan mengumpul data-data utama tentang SME dan kita mengumpul data ini daripada penubuhan perniagaan dan 98.5 peratus daripada penubuhan perniagaan kita adalah SME. Bermakna 1.5 peratus daripada penubuhan perniagaan adalah MNC. *So, that is the reality of the structure of businesses in our country. Therefore, out of 98.5 per cent, almost 75 per cent of that number are Micro and Small Enterprises*. Bakinya, anggaran 25 peratus daripada 98.5 peratus itu adalah *Medium Enterprises*.<br><br>Jadi, apa yang saya nampak bahawa perniagaan Mikro dan Kecil ini, mereka dalam konteks kita kaji tentang gaji minimum, mereka adalah sangat-sangat bermasalah terutamanya Perusahaan Mikro. Sebabnya saya nampak jelas di sini adalah mereka tidak dapat membayar gaji yang tinggi kepada pekerja-pekerja mereka. Keduanya adalah teknologi mereka rendah dan kebanyakan mereka adalah bergiat dalam bidang logistik dan makanan & minuman. Saya anggap mereka ini macam di Sarawak adalah sebagai pembuat kek lapis, ikan kering, keropok lekor, ataupun sebagai peniaga-peniaga di tepi jalan, dan peniaga restoran kecil-kecilan. Perniagaan Mikro ini adalah mereka yang menggajikan pekerja 5 orang dan ke bawah. |

# 5. TRANSKRIP (XVI)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 9. | Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya | Kebanyakkan mereka ini adalah Bumiputera. Sebab itulah bila kita kumpulkan mereka ini, mereka bayar gaji yang rendah kepada pekerja-pekerja mereka. Sebagai pengusaha pun, *Operating Surplus* ataupun keuntungan mereka tidak banyak sebab teknologi mereka adalah rendah. *So, when SME talking about export oriented promotion and the digital economy*, tidak banyak yang mengena dan berkaitan dengan mereka. Mungkin yang kebanyakkan SME ini adalah perusahaan sederhana seperti pembuat perabot dan pembuat makanan dan pakaian yang ada tetapi kebanyakan kita tahu bahawa kegiatan-kegiatan ini kebanyakannya adalah bukan Bumiputera dan bukan Melayu.<br><br>Bukan tidak ada perniagaan Mikro yang berdaya maju tetapi mereka ini lebih kepada bilangan yang kecil yang terdiri daripada penawar perkhidmatan-perkhidmatan profesional sebagai memberi khidmat perakaunan, perkhidmatan perundangan, ataupun sebagai arkitek dan sebagainya. Jadi mereka ini tidak ramai dan mereka ini sangat berjaya dan ada beberapa orang Melayu yang menceburi bidang ini tetapi dari bilangan mereka ini tidak ramai. |

# 5. TRANSKRIP (XVII)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 9. | Input dari Prof. Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, Profesor Adjung, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya | Tetapi apa yang membentuk pendapatan isi rumah ini, bila kita bercakap soal ini kita lihat angka purata. Bila membentuk pendapatan isi rumah, yang ramai adalah bilangan seperti yang saya katakan tadi penjual-penjual makanan di *food truck* ataupun menunggu expo-expo supaya mereka dapat menyertai expo perdagangan yang biasa kita buat dari semasa ke semasa.<br><br>Jadi, cabarannya di sini adalah bagaimana kita dapat membantu golongan isi rumah. Tentunya kalau kita katakan 'bantu' ini, ia akan membantu ramai Bumiputera dan Melayu. Maknanya, membantu golongan isi rumah yang kebanyakannya adalah B40 ini tadi supaya dapat meningkatkan produktiviti pekerjanya, dapat meningkatkan gaji dan dapat meningkatkan keuntungan. Ini adalah satu cabaran yang besar kepada kerajaan yang memegang amanah ini, bagaimana hendak melakukannya kerana kalau kita lihat SME apabila dia menyatakan tentang orientasi eksport dan ekonomi digital, saya tidak fikir perkara sedemikian terus relevan kepada golongan MSE seperti ini. Saya boleh katakan 80-90 peratus adalah Bumiputera dan Melayu. Kalau kita dapat bantu mereka dan perkasakan teknologi mereka, yang saya pun tak tahu dengan apa cara, maka kita dapat bantu meningkatkan pendapatan isi rumah dan meningkatkan *converging rate* yang kita perkatakan tadi, untuk disingkatkan. Jadi ini yang saya perkatakan tadi, ini adalah faktor struktur dan polisi yang kita kena lakukan. |

# 5. TRANSKRIP (XVIII)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 10. | Input dari Prof. Dr. Fatimah Kari, Felo Penyelidik, Pusat Dialog Peradaban (PDP), UM, Merangkap Felo Institut MASA. | *I am quite reluctant to talk about inequality and ownership if I don't really have some of the official data like HIES. We know data like HIES is very secretive, it is just so difficult to get assessed. It is just a data that is kept away from us, nobody has access and I think academician like us also suffer because data like household income and so on, if we can get it will be within 30 per cent only. Can you imagine over the years, not many of our PhD holders or Malaysians willing to talk about poverty and equality especially, can get access to the data. So, I think a way forward for us to see the issue of equity Bumiputera, the data must be open to us whether do we like it or not. Whether the data is weak or have loophole, it doesn't matter. As long as our policy is very open. They have been open about the data but quite partial. I think one want to talk about inequality, poverty and ownership, the data should be out open as possible.*<br><br>*In relation to that, I think at one point of time we used the method of specification like T20, M40 and B40. It has it own weaknesses, I mean if you look at what happened during COVID-19, I think it's still practical mechanism to look at the issue of equity and distribution in this country. My worry is the current government. Why we invent the wheel if the categorization like T20, M40 and B40 work in some ways? All we need is just to fix the weaknesses.* |

# 5. TRANSKRIP (XIX)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
| 10. | Input dari Prof. Dr. Fatimah Kari, Felo Penyelidik, Pusat Dialog Peradaban (PDP), UM, Merangkap Felo Institut MASA. | *I think I quite like the category T20, M40 and B40, I mean it's a bit focussed. If we improve on the weaknesses and what not, I think it can sort of let us through in terms of how distribution is done and equity has been gained in this country.*<br><br>*There are one or two things I would like to share, I think yesterday the World Bank just concluded their latest study on inequality and distribution in Malaysia. I think we must grab that document because that is based on the latest data from HIES in 2022. If that can be put to MASA, it will be good because that is part of comprehensive study. They just concluded the final report yesterday,* jadi kita kena berusaha untuk mendapatkan dokumen itu supaya apa yang kita ketengahkan kepada kerajaan nanti akan berdasarkan struktur data yang kukuh dan juga sebagainya.<br><br>*The other thing I would like to sort of extend what has been told by* Prof. Zakariah, *I think I give up on looking at MSE. I think* Prof. Zakariah *put it rightly on that we have a lot of problems in terms of skills, competent and what not. I mean the problem stays there for the last 10 or 20 years. We don't seem to move but I would like to share one of my small study prior to COVID-19, I look at the Bumiputera that is IT savvy where they have the skills, IT elitist.* |

# 5. TRANSKRIP (XX)

| Bahagian 1: 'WHY' | | |
|---|---|---|
| BIL. | PERKARA | PERINCIAN |
